

## TREND DAN KOLABORASI KAJIAN MAQASID SYARI'AH DALAM PENGKALAN DATA SCOPUS: ANALISIS BERDASARKAN KAEDAH BIBLIOMETRIK

*Trends and Collaborations of Maqasid Shari'ah Studies in The Scopus Database: Analysis Based on Bibliometric Methods*

\*Norashikin Ahmad<sup>1</sup>, Mohd Shukri Hanapi<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),  
Universiti Sains Malaysia (USM),  
11800 Pulau Pinang, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [hshukri@usm.my](mailto:hshukri@usm.my)

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
03-Mar-2025	13-Mar-2025	27-Jun-2025	29-Jun-2025

### Abstrak

Maqasid syari'ah merupakan satu konsep yang terbentuk dan berkembang seiring dengan ilmu-ilmu Islam yang lain. Ia sering dibincangkan dan diaplikasikan dalam pelbagai aspek kehidupan. Hasil daripada perbincangan dan wacana para ulama, maqasid syari'ah menjadi satu disiplin ilmu yang tersendiri melalui gagasan pemikiran yang dinamik. Hal ini menjadikan ilmu maqasid syari'ah semakin mendapat perhatian sehingga menjadi satu fenomena baharu dalam dunia penyelidikan. Oleh itu, makalah ini dilakukan untuk meneliti artikel-artikel berkaitan maqasid syari'ah dalam pengkalan data Scopus, bagi mencapai dua tujuan utama. Pertama, mengenal pasti perkembangan kajian maqasid syari'ah dan bentuk taburannya; kedua, mengkaji ciri-ciri kolaborasi antara pengkaji berkenaan maqasid syari'ah. Bagi memastikan semua tujuan ini tercapai, makalah ini menggunakan kaedah bibliometrik terhadap artikel-artikel yang ditemui. Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan, terdapat 315 dokumen yang membincangkan berkenaan maqasid syari'ah dalam pengkalan data Scopus. Trend kajian menunjukkan berlakunya kenaikan bilangan penerbitan yang dihasilkan oleh pengkaji dari tahun 1978 hingga Januari 2024. Namun begitu, jumlah sitasi pula semakin menurun pada tahun 2023. Selain itu, kolaborasi antara pengkaji pula melibatkan 29 buah negara. Negara paling tinggi kolaborasi antara pengkaji didahului oleh negara Malaysia yang menghasilkan 163 dokumen.

**Kata kunci:** maqasid syari'ah, pengkalan data Scopus, bibliometrik

### Abstract

Maqasid syari'ah is a concept that was formed and developed along with other Islamic sciences. It is often discussed and applied in various aspects of life. As a result of the discussion and discourse of the scholars, maqasid syari'ah became a separate discipline of science through dynamic ideas of thought. The result of the discussion and discourse of the scholars, maqasid syari'ah became a separate discipline of science through the idea of dynamic thinking. This makes the science of maqasid syari'ah is getting more attention so that it becomes a new phenomenon in the world of research. Therefore, this paper is carried out to examine articles related to maqasid syari'ah in Scopus data collection, to achieve two main objectives. First, to identify the development of maqasid syari'ah studies and its forms of collaboration; secondly, to examine the characteristics of the collaboration between scholars regarding maqasid syari'ah. To ensure all these objectives achieved, this paper uses bibliometric methods on the articles found. Based on the results of the review conducted, there are 315 documents that discuss about maqasid syari'ah in the Scopus database. The trend of the study shows an increase in the number of

*publications produced by reviewers from 1978 to January 2024. However, the number of citations also decreased in 2023. In addition, collaboration between reviewers also involved 29 countries. The highest country of collaboration between reviewers was preceded by Malaysia, which produced 163 documents.*

**Keywords:** *maqasid syari'ah, Scopus databas, bibliometrics*

## 1.0 PENDAHULUAN

Maqasid syari'ah merupakan sebahagian daripada cabang ilmu syari'ah. Ilmu ini diaplikasikan dalam berbagai bidang kehidupan seperti politik, ekonomi, pendidikan, serta sistem perundangan Islam. Sifatnya yang holistik dan relevan menjadikannya sangat sesuai untuk diaplikasikan dalam menangani cabaran globalisasi yang terus berkembang pesat (Wan Chik, 2017).

Perkembangan ilmu fiqh telah membawa kepada perbezaan pendapat dan ijtihad dalam mengeluarkan hukum. Perubahan hukum yang berlaku adalah untuk mencapai keadilan bersesuaian dengan masalah (kebaikan) kerana perbezaan fakta, masa dan suasana boleh mendatangkan hukum yang berbeza (Borham, 2002). Hal ini menunjukkan bahawa maqasid syari'ah merupakan suatu perkara yang sangat penting untuk dijadikan panduan dalam semua aspek supaya kehidupan manusia sentiasa berlandaskan syariah Islam.

Seiring dengan arus perkembangan semasa, maqasid syari'ah telah berkembang menjadi satu bidang ilmu yang unik. Mansor dan Ramli (2016) menekankan bahawa maqasid syari'ah tidak lagi berfungsi sebagai subtopik dalam perbincangan masalah mursalah. Sebaliknya, ia telah berkembang menjadi disiplin ilmu tersendiri melalui usaha gigih para sarjana Islam. Hasil daripada perbincangan dan wacana para ulama, maqasid syari'ah menjadi satu disiplin ilmu yang tersendiri melalui gagasan pemikiran yang dinamik. Hal ini menjadikan maqasid syari'ah semakin mendapat perhatian pada masa ini sehingga menjadi satu fenomena baharu dalam dunia penyelidikan.

Justeru, bagi memahami perkembangan kajian semasa berkenaan maqasid syari'ah, makalah ini meneliti dokumen yang telah ditemui dalam pengkalan data Scopus. Persoalannya, bagaimanakah kajian berkaitan maqasid syari'ah berevolusi dan apakah bentuk taburannya? Apakah latar belakang dan pencapaian pengkaji serta ciri-ciri kolaborasi kajian maqasid syari'ah dalam kalangan pengkaji? Berdasarkan persoalan-persoalan kajian tersebut, makalah ini mempunyai dua tujuan utama. Pertama, mengenal pasti perkembangan kajian maqasid syari'ah dan bentuk taburannya; dan kedua, meneliti ciri kolaborasi antara pengkaji berkenaan maqasid syari'ah.

## 2.0 SOROTAN LITERATUR

Syariat Islam diwujudkan untuk memastikan kebajikan manusia terpelihara (al-Syatibiy, t.t). Dalam Islam, terdapat tiga tahap keperluan manusia. Pertama, al-daruriyyah; kedua, al-hajjiyyah; dan ketiga al-tahsiniyyah. Berdasarkan ketiga-tiga hierarki ini, al-daruriyyah dianggap sebagai tahap yang sangat penting. Hal ini kerana al-daruriyyah merupakan perkara berkaitan dengan keperluan asas dalam kehidupan manusia yang merangkumi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Menurut al-Ghazali (1996), terdapat pandangan ulama yang menambah satu lagi elemen iaitu maruah.

Pada masa ini, maqasid syari'ah banyak diaplikasikan dalam pelbagai aspek. Misalnya, bidang kewangan dan perbankan Islam yang semakin berkembang.

Menurut Akram Laldin dan Furqani (2013), bidang kewangan dan perbankan Islam perlu mengambil kira pendekatan maqasid syari'ah dalam mengendalikan isu-isu kewangan. Hal ini disebabkan transaksi kewangan yang dilakukan perlu mematuhi piawaian syari'ah supaya dapat mengelakkan daripada berlakunya syubhah.

Dari sudut yang lain, maqasid syari'ah juga diaplikasikan dalam zakat. Zakaria dan Abdul Malek (2014) menggabungkan konsep maqasid syari'ah dengan hierarki keperluan asas Maslow dalam pengagihan zakat. Kajian ini dilakukan terhadap 270 responden yang menerima zakat dalam program Bantuan Perniagaan Asnaf. Program ini dikendalikan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Hasil kajian menunjukkan bahawa pengagihan bantuan zakat bukan hanya boleh diagihkan dalam bentuk wang sahaja. Malah agihan zakat juga boleh diagihkan dalam bentuk keperluan lain. Namun begitu, keperluan tersebut mestilah dapat membantu asnaf untuk meningkatkan tahap keagamaan, mengeratkan hubungan sosial dan menambah baik taraf kehidupan asnaf.

### 3.0 METODOLOGI

Makalah ini memfokuskan berkenaan trend semasa dan kolaborasi kajian berkenaan maqasid syari'ah dengan menggunakan kaedah bibliometrik. Makalah ini menggunakan data yang dikumpul dari pengkalan data Scopus. Menurut Zhang, Chen, Wang dan Ordonez (2016) kaedah bibliometrik ialah kaedah yang menggunakan teknik statistik secara khusus untuk menganalisis dokumen yang telah diterbitkan dalam sesuatu pengkalan data. Mutakhir ini, kajian yang menggunakan kaedah bibliometrik semakin popular dalam kalangan penyelidik (Ahmi & Mohamad, 2019). Kaedah ini popular disebabkan oleh kaedah bibliometrik merupakan satu kajian yang mempamerkan trend penyelidikan dalam pelbagai bidang. Oleh itu, penyelidik boleh meneliti trend dan perkembangan penerbitan dalam bidang tertentu dengan mudah sebelum memulakan sesuatu kajian yang baru.

Dalam pada itu, terdapat beberapa petunjuk yang digunakan dalam kaedah bibliometrik berdasarkan kategori tertentu untuk menganalisis dokumen yang telah dikumpulkan. Misalnya, kategori penerbitan, sitasi, penulis, penerbit dan negara. Menurut Durieux dan Gevenois (2010), terdapat juga petunjuk lain dalam kaedah bibliometrik iaitu kuantiti, kualiti dan struktur. Petunjuk kuantiti merujuk kepada produktiviti pengkaji. Petunjuk kualiti pula merujuk kepada pengukuran prestasi penyelidik yang dilihat daripada bilangan sitasi, jumlah H-indeks atau G-indeks, manakala petunjuk struktur merujuk kepada pengukur hubungan terhadap output penyelidikan. Oleh yang demikian, kesemua petunjuk yang telah dikemukakan boleh membantu penyelidik untuk menganalisis data-data yang diperoleh daripada perisian artificial intelligence (AI) supaya penyelidik dapat menganalisis dengan tepat (Ahmi & Mohd Nasir, 2019).

Selain menggunakan petunjuk, kata kunci yang betul dan tepat untuk mencari artikel juga merupakan perkara penting dalam kaedah bibliometrik. Kata kunci digunakan untuk memastikan setiap data yang dikumpul berkaitan penyelidikan dapat ditemui. Oleh itu, makalah ini akan memasukkan semua kata kunci yang dilihat berkaitan dengan maqasid syari'ah untuk pencarian dokumen dalam pengkalan data Scopus. Dalam makalah ini, terdapat tiga kata kunci yang digunakan secara khusus. Pertama, maqasid syari'ah. Kedua, maqasid al-syariah. Ketiga, the higher of objective. Berdasarkan kata kunci tersebut, didapati terdapat 315 dokumen yang dikenal pasti berkaitan dengan maqasid syari'ah (iaitu setakat 20 Januari 2024).

Oleh yang demikian, kesemua 315 dokumen yang diperoleh dari pengkalan data Scopus dianalisis dalam pelbagai petunjuk. Hal ini bertujuan mendapatkan


input berkaitan objektif kajian dalam menghasilkan makalah ini. Dalam makalah ini, aplikasi analisis AI yang digunakan adalah pengkalan data Scopus, Microsoft Excel, Wordcloud dan VOSviewer. Penggunaan aplikasi AI bertujuan membangunkan imej yang berkaitan dan membantu dalam menginterpretasikan data dalam makalah ini.

#### 4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bagi menjawab persoalan kajian yang dikemukakan, bahagian ini membincangkan dua perkara utama. Pertama, evolusi dan taburan kajian berkaitan maqasid syari'ah; dan kedua, kolaborasi kajian antara pengkaji berkaitan kajian maqasid syari'ah. Kedua-dua perkara tersebut dibincangkan dalam subtopik 4.1 dan 4.2.

##### 4.1 Evolusi dan Taburan Kajian Berkaitan Maqasid Syari'ah

Dalam subtopik ini, perbincangan terbahagi kepada dua perkara. Pertama, trend perkembangan penerbitan mengikut tahun dari sudut kualiti dan kuantiti. Perkara ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.




Rajah 1.0 Trend Perkembangan Penerbitan Mengikut Tahun

Rajah 1.0 menunjukkan trend penerbitan artikel mengikut tahun berdasarkan data yang diperolehi dari pengkalan data Scopus. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, terdapat 315 dokumen berkenaan maqasid syari'ah. Hasil analisis mendapati bahawa terdapat trend peningkatan dan penurunan kajian maqasid syari'ah sepanjang tahun 1978 hingga 2024.

Dari sudut kuantiti, jumlah penerbitan yang paling tinggi ialah pada tahun 2021 sebanyak 52 dokumen. Namun, bilangan kajian tersebut menurun kepada 35 dokumen pada tahun 2022. Trend penurunan ini tidak berkekalan kerana berlaku peningkatan penghasilan dokumen sebanyak 7 dokumen pada tahun seterusnya. Peningkatan bilangan penerbitan menunjukkan bahawa dokumen yang dihasilkan pada tahun 2023 ialah sebanyak 42 dokumen. Dalam pada itu, kualiti pula merujuk kepada jumlah sitasi yang diperolehi daripada hasil rujukan para penyelidik. Jumlah sitasi yang tertinggi ialah pada tahun 2019 iaitu sebanyak 193 sitasi. Walau bagaimanapun, jumlah sitasi berlaku sedikit penurunan pada tahun 2020 iaitu sebanyak 20 sitasi berbanding tahun 2020.





Rajah 3.0 Jenis Dokumen

Berdasarkan Jadual 1.0 dan Rajah 3.0, penerbitan berkaitan maqasid syari'ah dalam bentuk artikel lebih tinggi iaitu sebanyak 231 (73.33%) berbanding dokumen jenis lain. Misalnya, bab dalam buku sebanyak 34 buah (10.79%), review sebanyak 20 buah (6.35%), kertas persidangan sebanyak 19 buah (6.03%), editorial sebanyak 5 buah (1.59%), buku sebanyak 2 buah (0.63%), nota sebanyak 2 buah (0.63%), erratum sebanyak 1 buah (0.32%) dan soal selidik sebanyak 1 buah (0.32%).

Bagi penerbitan dalam bentuk artikel jurnal, kebanyakannya tertumpu kepada jurnal-jurnal seperti Samarah, Al-Manahij: Jurnal Kajian Hukum Islam, ISRA International Journal of Islamic Finance, Journal of Islamic Accounting and Business Research, Islamic Quarterly, Al-Ihkam: Jurnal Hukum dan Pranata Sosial, Advance Science Letters, Al-Shajarah, International Journal of Islamic and Middle Eastern, Millah: Journal of Religious Studies, Humanomics, International Medical Journal Malaysia, Journal of Islamic Thought and Civilization, Science and Engineering Ethic, Maqasid Al-Shari'ah and Contemporary Reformist, Malaysia Journal of Syariah and Law, Intellectual Discourse, Ahkam: Jurnal Ilmu Syariah, Journal of King Abdulaziz University, Islamic Economics dan Juris: Jurnal Ilmiah Syariah. Perkara ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2.0 Trend Perkembangan Artikel Berdasarkan Jurnal

Jurnal	JP	JPS	JS	h-Index	g-Index	Tahun
<b>Samarah</b>	13	9	20	3	3	2019
<b>Al-Manahij: Jurnal Kajian Hukum Islam</b>	9	3	6	2	2	2019
<b>ISRA International Journal of Islamic Finance</b>	9	5	114	3	9	2011
<b>Journal of Islamic Accounting and Business Research</b>	7	6	48	4	6	2020
<b>Islamic Quarterly</b>	7	4	5	1	1	2018
<b>Al-Ihkam: Jurnal Hukum dan Pranata Sosial</b>	6	5	10	1	2	2020
<b>Advanced Science Letters</b>	6	4	5	1	1	2017
<b>Al-Shajarah</b>	6	4	7	2	2	2015
<b>International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management</b>	6	6	130	4	6	2013
<b>Millah: Journal of Religious Studies</b>	6	2	2	1	1	2019
<b>Humanomics</b>	5	5	100	5	5	2006


<b>International Medical Journal Malaysia</b>	5	3	9	2	3	2016
<b>Journal of Islamic Thought and Civilization</b>	5	4	10	2	3	2020
<b>Science and Engineering Ethics</b>	5	5	101	3	5	2014
<b>Maqasid Al-Shari'a and Contemporary Reformist Muslim Thought: An Examination</b>	5	5	43	4	5	2014
<b>Malaysian Journal of Syariah and Law</b>	5	3	10	2	3	2021
<b>Intellectual Discourse</b>	5	4	56	4	5	2015
<b>Ahkam: Jurnal Ilmu Syariah</b>	5	3	21	2	4	2018
<b>Journal of King Abdulaziz University, Islamic Economics</b>	5	4	20	3	4	2014
<b>Juris: Jurnal Ilmiah Syariah</b>	5	5	23	3	4	2021

Petunjuk: **JP** = Jumlah bilangan penerbitan; **JPS** = Jumlah penerbitan disitasi; **JS** = Jumlah Sitasi

Jadual 2.0 menunjukkan trend perkembangan artikel berdasarkan 20 jurnal teratas yang telah ditemui dalam pengkalan data Scopus. Setakat awal Januari 2024, 20 jurnal yang terdapat dalam Jadual 2 ini mendahului senarai jurnal-jurnal yang lain. Jurnal yang paling aktif menerbitkan artikel ialah Jurnal Samarah sebanyak 13 buah artikel. Manakala jumlah sitasi yang paling tinggi mengikut jurnal pula ialah International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management sebanyak 130 sitasi.

#### 4.2 Kolaborasi Kajian antara Pengkaji Berkaitan Kajian Maqasid Syariah

Dalam subtopik 4.2 ini pula, perbincangan lebih memfokuskan berkenaan kolaborasi kajian antara pengkaji yang paling aktif dan produktif dalam kajian berkaitan maqasid syari'ah. Berdasarkan data yang dikumpul melalui pengkala data Scopus, jumlah penerbitan mengikut pengkaji yang paling aktif dinyatakan dalam Rajah 4.



Rajah 4.0 Trend Pengkaji Paling Aktif dan Produktif

Berdasarkan Rajah 4, trend peningkatan jumlah kajian bagi setiap pengkaji. Dari sudut kuantiti, pengkaji paling aktif mengkaji berkenaan maqasid syariah ialah Mohamed yang menghasilkan sebanyak 8 dokumen. Kemudian diikuti pula oleh Abdullah, A. yang menerbitkan 5 dokumen. Seterusnya, kajian oleh Hudaefi, Islam, Rahman, Saifuddeen, Tarique, dan Zakaria sebanyak 4 dokumen, manakala

Abdullah, Alias, Amin, Arshad, Baharuddin dan Duderija pula menerbitkan sebanyak 3 dokumen. Dari sudut kualiti pula, Jadual 3 mempamerkan 20 pengkaji teratas yang telah mendapat sitasi paling tinggi dalam mengkaji berkenaan maqasid syari'ah dalam pengkalan data Scopus.

Jadual 3.0 Senarai 20 Pengkaji dengan Jumlah Sitasi Paling Tinggi


Bil	Penulis	Tajuk	JS	S/T
1	Akram Laldin M.; Furqani H. (2013)	Developing Islamic finance in the framework of maqasid al-Shari'ah: Understanding the ends (maqasid) and the means (wasa'il)	69	5.75
2	Ahmed H. (2011)	Maqāsid Al-Sharī'ah And Islamic Financial Products: A Framework For Assessment	63	4.50
3	Abdullah M. (2018)	Waqf, Sustainable Development Goals (SDGs) and maqasid al-syari'ah	56	8.00
4	Mohammad M.O.; Shahwan S. (2013)	The objective of Islamic economic and islamic banking in light of maqasid al-syari'ah: A critical review	56	4.67
5	Bedoui H.E.; Mansour W. (2015)	Performance and Maqasid al-Shari'ah's Pentagon-Shaped Ethical Measurement	52	5.20
6	Mergaliyev A.; Asutay M.; Avdukic A.; Karbhari Y. (2021)	Higher Ethical Objective (Maqasid al-Shari'ah) Augmented Framework for Islamic Banks: Assessing Ethical Performance and Exploring Its Determinants	44	11.00
7	Julia T.; Kassim S. (2020)	Exploring green banking performance of Islamic banks vs conventional banks in Bangladesh based on Maqasid syari'ah framework	43	8.60
8	Mohamad M.; Affthanorhan A.; Awang Z.; Mohammad M. (2019)	Comparison between CB-SEM and PLS-SEM: Testing and confirming the Maqasid Syariah quality of life measurement model	43	7.17
9	Hudaefi F.A.; Noordin K. (2019)	Harmonizing and constructing an integrated maqāsid al-Sharī'ah index for measuring the performance of Islamic banks	36	6.00
10	Saifuddeen S.M.; Rahman N.N.A.; Isa N.M.; Baharuddin A. (2014)	Maqasid al-syari'ah as a Complementary Framework to Conventional Bioethics	33	3.00
11	Mohammed M.O.; Tarique K.Md.; Islam R. (2015)	Measuring the performance of Islamic banks using maqasid based model	32	3.20
12	Alam M.M.; Hassan S.; Said J. (2015)	Performance of Islamic microcredit in perspective of Maqasid al-Syari'ah: A case study on Amanah Ikhtiar Malaysia	30	3.00
13	Shinkafi A.A.; Ali N.A.; Choudhury M. (2017)	Contemporary Islamic economic studies on Maqasid Shari'ah: a systematic literature review	26	3.25
14	Kameel Mydin Meera A.; Larbani M. (2006)	Part I: Seigniorage of fiat money and the maqasid al-Shari'ah: The unattainableness of the maqasid	26	1.37
15	Asad Ibrahim A.; Jamal Elatrash R.; Omar Farooq M. (2014)	Hoarding versus circulation of wealth from the perspective of maqasid al-Shari'ah	25	2.27
16	Ibrahim A.H.; Rahman N.N.A.; Saifuddeen S.M.; Baharuddin M. (2019)	Maqasid al-Syari'ah Based Islamic Bioethics: A Comprehensive Approach	22	3.67
17	Ismail A.M.; Mujani W.K.; Rahman Z.A.; Salahuddin N.F. (2018)	Maqasid syari'ah and safety aspects in infrastructure and health of education practices in Malaysia	19	2.71
18	Duderija A. (2014)	Maqāsid al-syari'ah and contemporary reformist Muslim thought: An examination	19	1.73

19	Zakaria M.; Malek N.A.A. (2014)	Effects of human needs based on the integration of needs as stipulated in maqasid al-syari'ah and maslow's hierarchy of needs on zakah distribution efficiency of asnaf assistance business program	19	1.73
20	Alkhan A.M.; Hassan M.K. (2021)	Does Islamic microfinance serve maqasid al-shari'a?	18	4.50

Petunjuk: JS=Jumlah Sitasi S/T=Sitasi Per Tahun

Jadual 3 menunjukkan 20 dokumen berkaitan maqasid syariah yang mendapat jumlah sitasi paling tinggi dalam pengkalan data Scopus. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, didapati kajian yang paling tinggi sitasi ialah Developing Islamic Finance in the Framework of Maqasid al-Shari'ah: Understanding the Ends (Maqasid) and the Means (Wasa'il) oleh Akram Laldin dan Furqani (2013) sebanyak 69 sitasi. Manakala kajian yang paling tinggi sitasi per tahun pula ialah Higher Ethical Objective (Maqasid al-Syari'ah) Augmented Framework for Islamic Banks: Assessing Ethical Performance and Exploring Its Determinants oleh Mergaliyev, Asutay, Avdukic dan Karbhari (2021) sebanyak 11.00 sitasi.

Seterusnya, kolaborasi antara pengkaji mengikut afiliasi dan negara bagi kajian berkaitan maqasid syari'ah telah dianalisis menggunakan aplikasi VOSviewer. Hal ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 5 berkenaan rangkaian kolaborasi antara pengkaji.



Rajah 5.0 Kolaborasi Antara Pengkaji Mengikut Affiliasi Dan Negara

Rajah 5.0 mempamerkan kolaborasi antara pengkaji mengikut negara berdasarkan pengkalan data Scopus. Negara paling tinggi kolaborasi antara pengkaji didahului oleh negara Malaysia yang menghasilkan 163 dokumen, manakala negara yang paling rendah kolaborasi antara pengkaji ialah negara Kazakhstan sebanyak 1 dokumen. Berdasarkan peta visualisasi kolaborasi antara pengkaji yang dihasilkan menerusi VOSviewer dapat dilihat bahawa kajian berkaitan maqasid syari'ah didominasi oleh negara Asia.

## 5.0 PENUTUP

Makalah ini bertujuan meneliti kajian berkaitan maqasid syari'ah dalam pengkalan data Scopus. Kesemua dokumen ini diterbitkan antara tahun 1978 hingga 2024 dianalisis menggunakan kaedah bibliometrik. Terdapat tiga kata kunci yang digunakan untuk mendapatkan artikel berkaitan maqasid syari'ah dalam pengkalan data Scopus. Pertama, maqasid syari'ah; kedua, maqasid al-syariah; dan ketiga, the higher of objective.

Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan, terdapat 315 dokumen yang membincangkan berkenaan maqasid syari'ah. Trend kajian menunjukkan berlakunya kenaikan bilangan penerbitan yang dihasilkan oleh pengkaji dari tahun 1978 hingga Januari 2024. Trend tersebut boleh dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama merujuk kepada penerbitan bermula dari tahun 1978 hingga 2016. Pada peringkat ini, kajian berkaitan maqasid syari'ah masih lagi berada diperingkat pengenalan. Peringkat kedua pula merujuk kepada penerbitan pada tahun 2017 hingga 2024 yang berlaku perkembangan kajian. Namun begitu, jumlah sitasi pula semakin menurun pada tahun 2023.

Selain itu, kolaborasi antara pengkaji pula melibatkan 29 buah negara. Negara paling tinggi kolaborasi antara pengkaji didahului oleh negara Malaysia yang menghasilkan 163 dokumen. Hal ini menunjukkan bahawa kajian berkenaan maqasid syari'ah semakin berkembang dan dibincangkan dalam pelbagai aspek. Misalnya, tadbir urus, perbankan dan kewangan Islam.

## 6.0 PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil awal projek penyelidikan di bawah Geran Fundamental Research Grant Sceme (FRGS) [203.CISDEV.6712159] yang bertajuk "Pembinaan Kerangka Baharu Tasawur Pembangunan Malaysia Madani (T-PMM)" untuk tempoh 1 October 2023-30 September 2026.

## 7.0 SENARAI RUJUKAN

- Ahmi, A., & Mohamad, R. (2019). Bibliometrik analysis of global scientific literature on web accessibility. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 7(6), 250-258.
- Ahmi, A., & Mohd Nasir, M. H. (2019). Examining the trend of the research on extensible business reporting language (XBRL): A bibliometric review. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 5(2), 1145-1167.
- Akram Laldin, M. & Furqani, H. (2013). Developing Islamic finance in the framework of maqasid al-Shari'ah: Understanding the ends (maqasid) and the means (wasail). *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 6(4), 278-289.
- Al-'Alim, Y. A. (1997). *Al-maqasid al-syari'ah al-Islamiyyah*. Cet. Ke-3. Dar al-Sudaniyyah.
- Al-Fayruz Abadiy. (1997). *Al-qamus al-muhit*. Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Al-Ghazaliy, A. H. M. (1996). *Al-Mustasfa min 'ilm al-usul*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qaradawiy, Y. (2000). *Kemiskinan dan cara Islam mengatasinya (Musykilah al-Fiqr wa kayfa 'Alijuha Al-Islam)*, terj. Arsil Ibrahim. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM).
- Al-Raysuniy, A. (1996). *Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam al-Syatibiy*. Dar al-'alamiyat li al-Kitab al-Islamiy.

- Al-Syatibi. (t.t.). Al-Muwafaqat fi usul al-Ahkam. Dar al-Ma'rifah.
- Borham, A.J. (2002). Pengantar perundangan Islam. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Durieux, V., & Gevenois, P. A. (2010). Bibliometric indicators: Quality measurements of scientific publication. *Radiology*, 255(2), 342-351. <http://doi.org/10.1148/radiol.09090626>.
- Mansor, M. S. & Ramli, M. A. (2016). Pendekatan pseudo-maqasid dalam aliran hukum Islam semasa. Dlm. Abdul Rahim, R. A., Ramli, M. A. & Abdul Khalil. S., (Eds.), *Maqasid syariah: Aplikasi dalam aspek sosial dan perundangan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Wan Chik, W.M.Y. (2017). *Maqasid al-Syariah: Pengenalan dan struktur am*. Kertas kerja ini dibentangkan di International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (ISLAC), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- Zakaria, M. & Abdul Malek, N. A. (2014). Effects of human needs based on the integration of needs as stipulated in maqasid syariah and maslow's hierarchy of needs on zakah distribution efficiency of asnaf assistance business program. *Jurnal Pengurusan*, 40, 41-52.
- Zhang, X., Chen, H., Wang, W., & Ordonez, P. (2016). What is the role of IT in innovation? A bibliometric analysis of research development in IT innovation. *Behaviour & Information Technology*, 35(12), 1130-1143.